

24 AUG 2002

Norian-Bunyamin

SIASATAN KES BUNYAMIN SELESAI, KATA KETUA POLIS NEGARA

ALOR GAJAH, 24 Ogos (Bernama) -- Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai hari ini berkata siasatan terhadap bekas anggota Parlimen Bachok Bunyamin Yaakob yang didakwa menyebut kononnya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menonton video lucah bersama cucunya, telah selesai.

"Penyiasatan kes itu telah selesai. Kita (polis) akan dapatkan pandangan daripada Peguam Negara dari segi pendakwaan kes berkenaan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Ibu Pejabat Polis Daerah Alor Gajah (IPD) di sini hari ini.

Beliau berkata dalam siasatan itu, polis telah merakamkan kenyataan lebih 20 saksi yang menghadiri ceramah Bunyamin di Pusat Tarbiyah Islamiah Kelantan (Putik), Pengkalan Chepa pada 15 Mac lepas.

Katanya polis akan memanggil beberapa saksi lagi untuk merakamkan percakapan mereka meskipun penyiasatan kes itu dianggap selesai.

Pada 20 Ogos lepas, Bunyamin hadir di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPPK) Kelantan bagi memberi kenyataan berhubung ceramahnya di Pengkalan Chepa itu selepas seminggu menghilangkan diri.

Mengenai usaha bekas anggota pertubuhan al-Arqam untuk menghidupkan semula kumpulan itu, Norian berkata polis akan membantu pihak berkuasa agama negeri dalam memantau kegiatan bekas anggota kumpulan berkenaan.

"Polis sedar mengenai perkara itu dan maklumat mengenai kegiatan kumpulan berkenaan akan kita salurkan pada pihak berkuasa agama terbabit termasuk Jabatan Kemaajuan Islam Malaysia (Jakim) untuk tindakan sewajarnya," katanya.

Beliau berkata polis akan bertindak balas sekiranya aktiviti bekas anggota kumpulan itu mengancam keselamatan negara dan tidak teragak-agak untuk menahan mereka mengikut peruntukan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

"Tapi ia belum sampai ke tahap itu lagi. Kita dapati gerakan mereka berselindung di bawah aktiviti perniagaan seperti Rufaqa' Corporation, yang didapati cuba menghimpunkan kembali bekas anggota kumpulan berkenaan," katanya.

Beliau berkata tiada salahnya untuk mereka menceburkan diri dalam perniagaan tetapi mereka tidak boleh menggunakan aktiviti perniagaan untuk menghidupkan semula fahaman kumpulan berkenaan yang telah diharamkan oleh kerajaan.

Katanya syarikat berkenaan yang dikendalikan oleh bekas anggota kumpulan itu bukan sahaja beroperasi di Rawang, Selangor, sebaliknya di beberapa tempat di negara ini.

-- BERNAMA

SBS ROS